


Headline **Kesum Antikanser**
Date **16 Apr 2010**
MediaTitle **Dewan Kosmik**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Monthly**
Circ / Read **30,000 / 60,000**

Language **Malay**
Page No **56**
Article Size **504 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **2,143**
PRValue **6,429**



BOTANI »

POKOK ini banyak digunakan dalam masakan Melayu kerana aromanya. Ia digunakan untuk mengharumkan masakan seperti laksa dan asam pedas. Nama saintifik kesum ialah *Polygonum minus* Huds. daripada famili Polygonaceae.

Kesum merupakan sejenis herba berumpun dan menjalar dengan batang beruas dan amat menggemari kawasan yang berpayau atau kawasan lembap dengan ketinggian boleh mencapai sehingga 50 sentimeter bergantung pada tahap kesuburan tanah. Daun kesum berbentuk lanseola, iaitu berbentuk seperti lembing dengan panjang mencapai lima hingga lapan sentimeter dan daunnya akan mengeluarkan aroma yang harum apabila ditumbuk halus. Menariknya, kesum hanya mengeluarkan bunga di kawasan beriklim sederhana kerana memerlukan pengaruh fotokala untuk proses berbunga.

Pokok kesum apabila diekstrak akan menghasilkan banyak sebatian kimia yang sesetengahnya telah dibuat kajian dan telah terbukti secara tradisional dan saintifik keberkesanannya mencegah pelbagai penyakit. Kandungan sebatian utamanya ialah 6,7-metilenadioksi-5,3',4',5'-tetrametoksiflavan; 6,7-4',5'-dimetilenadioksi-3,5,3'-trimetoksiflavan daripada kajian Urones pada tahun 1990. Nama sebatian kimia ini unik dan dikenal pasti selepas menjalani ujian pengesahan struktur sebenar melalui data Resonans Magnetik Nuklear (NMR), Inframerah (IR), Titik Peleburan, Ultralembayung (UV) dan Spektrometri Jisim sebelum ujian seterusnya seperti *in vitro*, *in vivo* dan percubaan klinikal dijalankan.

Dalam perubatan tradisional, kesum telah mendapat tempatnya tersendiri dan memang terbukti mujarab merawat pelbagai penyakit. Dari daun hingga akarnya, ia mempunyai nilai tersendiri dalam perubatan. Kesum digunakan

untuk mengubati masalah pencernaan dengan cara merebus pokok kesum bersama-sama air sehingga mendidih dan kemudian airnya diminum. Di samping itu, kesum boleh menjadi penawar kepada masalah kelemumur dengan menumbuk daunnya hingga lumat dan airnya diperah. Kemudian, digosokkan air yang terhasil ini pada kulit kepala dan dibiarkan selama lima minit sebelum dibilas dengan air bersih.

Kajian oleh Mackeen dan pasukan penyelidiknyanya dalam jurnal bertajuk "*Antimicrobial and Cytotoxic Properties of Some Malaysian Traditional Vegetables*", pada tahun 1997 mendapati ekstrak kesum menunjukkan aktiviti antibakteria dengan kepekatan perencatan minimum pada julat kepekatan 100 – 800 µg/ml dan kepekatan maut minimum dalam julat kepekatan 400 – 800 µg/ml. Kajian itu juga mendapati ekstrak kesum menunjukkan aktiviti sitotoksik terhadap sel HeLa (barah serviks manusia) dengan nilai CD₅₀ dalam julat kepekatan 10 – 30 µg/ml.

Selain itu, sebatian kimia yang berjaya diekstrak daripada pokok kesum menunjukkan aktiviti antioksidan. Kajian Norhanom dan pasukan penyelidikannya pada tahun 1998 dalam jurnal bertajuk "*Antitumor Activity in Local Ulam*" mendapati ekstrak daun kesum bersama-sama metanol menunjukkan aktiviti antioksidan yang baik menggunakan kaedah aktiviti penyingkiran superoksidas. Di samping itu, dalam kajian yang sama juga menunjukkan aktiviti antikanser. Ekstrak kesum menunjukkan aktiviti yang sederhana dalam kajian antikanser dengan menggunakan sel Raji dan KB.

Banyak rahsia pokok kesum belum dirungkaikan sehingga kini. Mungkin kesum juga berfungsi melawan penyakit AIDS, epilepsi, gout dan sebagainya, dan tidak siapa yang akan mengetahuinya jika kajian lanjut terhadap kesum tidak dijalankan. **OK**

Kesum Antikanser

Oleh MOHD NASIRIMAT NOR